

30 OCT 2003

Mahathir-Perkhidmatan

MALAYSIA AKAN EKSPLOITASI SEKTOR PERKHIDMATAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Malaysia akan terus merangsangkan pembangunan dan kemajuan industri perkhidmatan bagi menjana pertumbuhan ekonomi setelah sektor itu berkembang pada kadar purata 4.7 peratus dalam tempoh kajian semula Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) 2001-2005, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pendidikan, pelancongan, kewangan Islam, kesihatan, pengangkutan, perkhidmatan perundangan dan profesional di samping perkhidmatan berkaitan ICT dan pembuatan akan dieksploitasi bagi menghasilkan potensi sepenuhnya agar ia dapat menjana pertumbuhan ekonomi dan menyumbang dengan lebih ketara kepada pendapatan eksport.

"Pertumbuhan industri perkhidmatan ini akan dapat dipercepatkan memandangkan kebanyakan kemudahan infrastruktur yang berkaitan telah sedia diadakan. Dalam usaha untuk menggalakkan perkhidmatan ini, kerajaan akan mengadakan program galakan yang lebih berkesan dan tersusun," katanya ketika membentangkan laporan kajian separuh penggal RM-8 di Dewan Rakyat hari ini, sehari sebelum persaraannya sebagai Perdana Menteri, jawatan yang disandang selama 22 tahun.

Dr Mahathir berkata untuk mencapai potensi sepenuhnya dalam industri pelancongan, sektor yang mencatatkan peningkatan sumbangan kepada pendapatan tukaran asing dan pertumbuhan sektor lain, kerajaan akan mengambil langkah untuk mempromosi pelancongan tempatan dan antarabangsa selain mempertingkatkan inisiatif bagi pembangunan produk pelancongan.

Beliau berkata pendidikan, kesihatan, sukan, pelancongan berasaskan pertanian dan ekologi, ialah antara sektor yang akan dimajukan lagi untuk memaksimumkan potensi industri pelancongan.

Bagi mempromosikan tempat kebudayaan dan warisan asli, usaha akan dilakukan untuk memasukkan Taman Negara di Semenanjung Malaysia, Gua Niah di Sarawak dan Lembangan Milau di Sabah serta Bandaraya Bersejarah Melaka dan Pulau Pinang sebagai Tapak Warisan Dunia.

Dr Mahathir berkata pelancongan tempatan juga akan ditingkatkan melalui pakej yang menarik, dengan kerjasama syarikat penerbangan tempatan.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan memperkenalkan persijilan "Blue Flag" dan "Green Globe" pada tapak-tapak pelancongan.

"Blue Flag" akan diberikan kepada pantai yang menepati piawaian antarabangsa manakala sijil "Green Globe" pula diberikan kepada tapak eko-pelancongan yang mengamalkan perlindungan dan pembaikan alam sekitar.

Beliau berkata eko-pelancongan, agro pelancongan dan pelancongan luar bandar akan terus dibangunkan untuk mengambil peluang sepenuhnya daripada keindahan pemandangan, kedamaian desa serta flora dan fauna.

Bagi mempromosikan industri pelayaran pula, Malaysia akan terus membangunkan pusat pelayaran pesiaran di beberapa tempat dalam negara dengan membina beberapa pangkalan kapal pesiaran atau marina di lokasi strategik seperti di Pulau Pinang, Pulau Pangkor, Pelabuhan Klang, Port Dickson, Melaka dan Muar manakala terminal kapal pesiar di Melaka dan Pulau Pinang akan dinaik taraf.

Ini akan membolehkan kapal pesiaran dan bot untuk liburan belayar ke beberapa tempat yang menarik serta membolehkan pelancongan terlibat dalam pelbagai aktiviti dan tinggal lebih lama, kata Dr Mahathir.

Jeti sedia ada dan terminal penumpang akan dinaik taraf bagi memastikan keselesaan dan keselamatan penumpang, khususnya di kawasan yang mempunyai

sungai sebagai perhubungan utama seperti di Sabah dan Sarawak.

Perdana Menteri berkata kemudahan penjagaan kesihatan yang canggih dan cekap serta tarikan alam semula jadi yang terdapat di negara ini telah meletakkan Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan yang berdaya maju.

Katanya, pakej pelancongan khusus yang mengandungi komponen kesihatan, akan diperkenalkan manakala untuk terus menggalakkan pelancongan berkaitan dengan pendidikan, usaha akan diambil untuk menggalakkan institusi pendidikan swasta meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan pendidikan, mengembangkan kurikulum dan meningkatkan kemampuan tenaga pengajar.

Beliau berkata Malaysia akan terus menganjurkan acara sukan dan menggalakkan sukan baru memandangkan pelancongan berasaskan kegiatan itu mempunyai potensi yang besar untuk menarik pelancong.

-- BERNAMA  
MFJ MFJ MAI